

WACANA PEMIKIRAN DAN PERADABAN UMMAH KE-4



سيمينر دعوة ناسيونل

Seminar Dakwah Nasional 1433 H / 2012

Tema:

Dakwah Islamiyyah Sebagai Kekuatan Ummah

8 – 9 Oktober 2012 / 22 - 23 Dzulqaedah 1433H

Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur

Tajuk:

Dakwah Islamiah sebagai Madrasah Pengukuhan Akidah

Pembentang:

Wan Adli Wan Ramli

Anjuran:



Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT)

Dengan kerjasama:

Akhbar Rasmi



TV Rasmi



Radio Rasmi



Dakwah Islamiyyah Sebagai Madrasah Pengukuhan Akidah¹

Wan Adli Wan Ramli²

Pendahuluan

Gerakan dakwah merupakan kewajipan ke atas umat Islam untuk menyebarkan risalah Ilahi kepada seluruh manusia. Justeru ia berfungsi sebagai suatu madrasah pengukuhan akidah Islam yang penting demi penerusan kehidupan ummah. Oleh itu, perihal dakwah Islamiah sebagai madrasah pengukuhan akidah wajar dianalisis secara mendalam, demi kefahaman ummah dan manusia seluruhnya. Makalah ini menghuraikan secara ringkas pengertian proses pengukuhan akidah yang mencapai tahap suatu madrasah yang sistematik. Di samping itu, ia meneliti ciri yang ada dalam dakwah untuk menjadi sebuah madrasah yang berkesan. Seterusnya, ia mengupas pengajaran yang boleh diambil daripada konsep dan amalan dakwah agar suatu kerangka proses pengukuhan akidah dapat diperhatikan.

Madrasah Pengukuhan Akidah

Pertama-tama, perlu ditegaskan pada permulaannya bahawa akidah yang dimaksudkan di sini ialah ilmu dan kepercayaan mengenai Allah dan segala yang berbuah daripada kepercayaan ini menurut pegangan Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah. Pegangan ini merupakan tafsiran yang paling tepat, menyeluruh dan seimbang terhadap nas-nas wahyu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad daripada Allah kepada manusia seluruhnya. Ketepatan pegangan ini terbukti melalui kesejajaran kefahaman terperinci yang dihasilkan daripada pelbagai dalil yang sah, sama ada bersumberkan naqliah atau akliah. Berbeza dengan iktikad Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah, beberapa takwilan lain, seperti oleh kalangan Wahabi atau neo-Muktazilah liberal, kelihatannya mengorbankan sama ada aspek naqli atau akal. Selain itu, sejarah memperlihatkan penerimaan ijmak ulama Muslimin terhadap akidah Ahli 'I-Sunnah wa

¹ Kertas ini untuk dibentangkan di **Seminar Dakwah Nasional 1433H/2012 siri Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke 4** bertemakan Dakwah Islamiah Sebagai Kekuatan Ummah pada 8 - 9 Oktober 2012 bersamaan 22 - 23 Dzulqaedah 1433H di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dianjurkan oleh Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT).

² Wan Adli Wan Ramli, PhD, adalah pensyarah kontrak di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

'I-Jama'ah. Oleh itu, akidah yang mesti dipegang oleh umat Islam seluruhnya, khususnya di Malaysia, adalah akidah Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah.

Sistem akidah ini, dalam jurusan yang lebih terperinci dinamakan pula dengan nama Asha'irah. Istilah ini merujuk kepada Abu al-Hasan Ali bin Isma'il al-Ash'ari, keturunan Abu Musa 'Abd Allah bin Qays al-Ash'ari yang diisyaratkan oleh Nabi Muhammad ketika ditanya mengenai suatu kaum yang tersebut dalam ungkapan "maka Allah akan datangkan suatu kaum" atau *fa-sawfa ya'ti Allah bi-qawmi* seperti yang disebut dalam al-Qur'an, surah al-Ma'idah 5:54.³ Dalam sejarah, beliau adalah orang pertama yang menyusun semula secara sistematik tafsiran akidah Islam menurut kefahaman yang sah seperti ajaran Nabi Muhammad ketika ummah berhadapan dengan cabaran bidaah akidah oleh golongan Mujassimah di suatu penjuru dan Mu'attilah di suatu penjuru lain. Dalam tradisi Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah di rantau Nusantara, aliran khusus inilah yang menjadi pegangan, selain aliran Maturiyah yang turut diiktiraf sebagai sebahagian daripada golongan Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah.

Maka, akidah Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah adalah akidah yang dimaksudkan di sini. Sementara itu, kandungan akidah ini, sekurang-kurangnya dalam bentuk yang paling ringkas, boleh dirujuk daripada karya oleh Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fatani yang bertajuk *Faridat al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id*.⁴ Pada tahap asas, akidah Islam menghuraikan perihal sifat dan nama Allah untuk manusia mengenaliNya, di samping pengenalan ringkas terhadap para nabi, khususnya Nabi Muhammad dan sejarah baginda, risalah yang pernah diwahyukan, pengetahuan mengenai alam ghaib seperti malaikat, akhirat, syurga dan neraka, dosa dan pahala, tanggungjawab mukalaf dan ketentuan takdir Ilahi. Selain itu, turut diperkenalkan kefahaman asas mengenai konsep Islam, iman dan ihsan. Semua ini merupakan isi akidah Islam, yang menjadi kandungan perbincangan dalam ilmu akidah, dan yang mesti dipelajari dan difahami oleh semua Muslim. Jika tidak, seseorang Muslim itu boleh dikatakan tidak mempunyai asas akidah.

Usaha mempelajari asas akidah pada tahap yang disebutkan di atas merupakan madrasah atau persekolahan akidah yang paling utama. Tidak boleh tidak, semua Muslim wajib melalui madrasah akidah pada tahap ini, sama ada dengan menggunakan teks *Faridat al-Fara'id* atau menggunakan teks lain. Bertitik tolak daripada kefahaman ini, makalah ini membezakan antara persekolahan akidah pada tahap asas ini dengan persekolahan pengukuhan akidah. Dua tahap ini merupakan tahap yang berbeza kerana yang pertama merujuk kepada pendidikan akidah tahap asas, manakala yang kedua pula merujuk kepada pendidikan berterusan yang bertujuan untuk memperkukuhkan asas akidah yang telah sedia ada. Pembezaan ini

³ Selain keturunan al-Ash'ari, ahli tafsir juga menisbahkan ungkapan "kaum" dalam ayat ini kepada, antaranya, Abu Bakar, kaum Ansar, penduduk Yaman, Salman al-Farisi dan penduduk Parsi. Lihat antaranya Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Umar Fakhr al-Din al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb* (Bayrut: Dar al-Fikr, 2002), 12:22; Abu al-Fida' Isma'il ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Bayrut: Dar al-Ma'rifah, 1986), 2:72.

⁴ Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fatani, "Faridat al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id," dalam Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Faridatul Faraid Syeikh Ahmad al-Fathani: 'Aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah yang Sejati* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2001). Adalah menjadi tradisi keilmuan Melayu untuk mendahulukan nama tokoh-tokoh ilmuwan dengan gelaran seperti Syeikh, Imam, Tuan Guru dan sebagainya, tetapi makalah ini mengikut amalan penulisan akademik semasa yang menonjolkan nama sahaja.

perlu ditonjolkan kerana menyemai akidah adalah perkara pertama, sedangkan memperkukuh akidah merupakan perkara yang hanya boleh dilakukan selepas asas akidah telah tumbuh. Tanpa tertanamnya benih akidah dalam hati manusia, proses pengukuhan menjadi tidak relevan untuk dibincangkan.

Dengan itu, apa yang dimaksudkan dengan madrasah pengukuhan akidah merujuk kepada proses berterusan yang dilakukan selepas pertama-tamanya telah ditanam asas akidah. Atas kefahaman ini, pendidikan untuk mengukuhkan akidah tidak terhad kepada pengajaran dan usaha memahamkan pernyataan yang diajarkan oleh Islam. Contoh pernyataan yang dimaksudkan adalah bahawa tiada tuhan melainkan Allah, atau bahawa Nabi Muhammad ada benar seorang rasul, atau bahawa akhirat pasti akan datang. Semua ini adalah pernyataan mengenai hakikat kebenaran yang dibawa dalam hidayah Islam. Di kalangan manusia, ada yang tidak mengetahui kenyataan yang benar ini. Maka kebenaran ini pertama-tamanya perlu diajarkan kepada manusia sedemikian dan cuba difahamkan kepada mereka seboleh mungkin jika timbul kekeliruan. Apabila pernyataan mengenai hakikat kebenaran ini diterima, ketika itu benih akidah telah tersemai dalam hati. Sebaliknya, jika berlaku keingkaran, usaha menyemai benih asasi ini perlu diteruskan dengan pelbagai pendekatan lain.

Walau bagaimanapun, madrasah yang bersifat pengukuhan melaksanakan usaha yang lebih luas daripada menanam pernyataan mengenai hakikat kebenaran dalam hati manusia. Tidak dinafikan, menambah sejumlah lagi pernyataan akidah boleh membawa kepada pegangan yang lebih kukuh. Namun, pengukuhan keyakinan dalam diri Muslim boleh juga dilakukan dengan pelbagai proses lain. Dengan pengertian yang lebih luas ini, iktikad yang telah sedia ada boleh terus diperkukuhkan lagi melalui pelbagai kefahaman dan aktiviti yang dihuraikan oleh Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali dalam karyanya *Ihya' 'Ulum al-Din*. Secara umumnya, karya ini adalah sebuah karya tasawuf yang bertujuan meningkatkan kualiti ketakwaan Muslim. Al-Ghazali membahagikan perbincangan dalam karyanya ini kepada empat tema besar iaitu ibadat, adat, elemen perosak hati dan elemen pembaikan hati.⁵ Memahami dan mengamalkan pelbagai panduan yang dihuraikan oleh al-Ghazali dalam tulisannya ini akan menghasilkan tahap keimanan yang lebih tinggi.

Contohnya, dengan melakukan pelbagai ibadat yang diwajibkan seperti mendirikan solat, berpuasa dan menunaikan zakat, atau yang disunatkan seperti membaca al-Qur'an dan berzikir akan menambah keteguhan iktikad Muslim. Demikian juga, dalam hal adat, menjaga adab makan dan minum, adab dalam persahabatan, perkahwinan, kekeluargaan dan sebagainya akan menghasilkan kesan yang lebih baik dalam hati. Termasuk dalam kategori adat yang boleh memperkukuhkan iman, menurut al-Ghazali, adalah menyuruh ke arah kebaikan dan menegah daripada kemungkar. Selain itu, memahami sifat hati insan serta perkara yang merosak dan memulihkannya juga dapat menguatkan akidah Islam. Daripada huraian ini, dapat difahami bahawa akidah Islam boleh dipertingkatkan bukan sahaja melalui

⁵ Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Qahirah: al-Maktabah al-Qayyimah, t.t.), 7-8.

pembelajaran tambahan pelbagai penyaksian hakikat kebenaran yang ditunjukkan oleh wahyu, seperti yang dapat dipelajari dalam ilmu akidah tauhid. Malah, peningkatan iman juga berlaku apabila Muslim melaksanakan panduan syariah dan tasawuf, di atas asas akidah yang telah sedia ada.

Seterusnya, menjadikan proses pengukuhan akidah sebagai suatu madrasah bermaksud membina suatu kaedah memperkukuhkan akidah yang sistematik. Dengan kata lain, pengukuhan akidah boleh sahaja dilakukan secara rawak tanpa menggunakan apa-apa garis panduan tertentu. Namun, dalam konteks huraian al-Ghazali, khususnya dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, proses pengukuhan akidah yang ditunjukkan merupakan suatu sistem ilmu dan amal yang tersusun, bukan gerak kerja semberono semata-mata. Susunan ini boleh sahaja dilihat daripada susunan bab dalam karya tersebut sendiri, yang bermula dengan perbincangan asasi berkenaan konsep ilmu itu sendiri dahulu, sebelum pun dibincangkan soal akidah Islam lagi. Dengan kata lain, jika akidah adalah suatu ilmu, maka perlu difahami dahulu apakah ilmu itu sendiri, sebelum akidah yang merupakan suatu disiplin dalam ilmu boleh dibahaskan. Demikian juga, jika diteliti bab-bab seterusnya, dalam dilihat susunan ilmu dan amal yang perlu difahami dan dikerjakan secara sistematik.

Selain itu, sifat madrasah juga bermakna ilmu dan amal yang ingin dikuasai dan dilakukan tidak dilaksanakan secara bersendirian sahaja. Madrasah atau sekolah merujuk, paling utamanya, kepada kewujudan sekurang-kurangnya seorang guru yang berupaya menunjuk jalan kepada para murid. Murid itu pula biasanya tidak seorang sahaja kerana belajar secara berkumpulan membolehkan interaksi, perbincangan, saling menasihati dan menegur, serta saling membantu ke arah kebaikan. Daripada penjelasan ini, dapat disedari bahawa, bukan sahaja ilmu dan kaedah yang sistematik diperlukan dalam suatu persekolahan, malah guru yang berwibawa dan rakan seperguruan juga diperlukan, agar persekolahan tersebut memenuhi cirinya yang lebih lengkap. Tambahan kepada pertimbangan ini, sekolah dan persekolahan menjadi lebih jelas terzahir apabila wujudnya infrastruktur yang dapat menambahkan lagi persembahannya. Infrastruktur yang dimaksudkan merujuk kepada, antara lain, buku, kemudahan pengajian seperti meja, kerusi, alat bantu pandang dengar, bangunan dan sebagainya.

Berdasarkan premis ini, usaha pengukuhan akidah yang bertahap madrasah memerlukan: i) isi ilmu akidah itu sendiri, ii) kaedah persekolahan akidah yang sistematik, iii) guru yang mursyid sifatnya, iv) kumpulan pelajar, dan akhirnya v) infrastruktur. Rumusan mudah daripada pelbagai elemen ini memperlihatkan bahawa madrasah ini berdiri atas iman dan rukunnya sebagai isi sedangkan Islam dan rukunnya serta ihsan menjadi kulit yang melindungi dan memperlengkapkan isi tadi. Apabila wujudnya unsur-unsur ini, dapat ia dinamakan sebagai madrasah pengukuhan akidah yang lengkap. Setakat ini, secara ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa madrasah pengukuhan akidah adalah suatu institusi, bukan sekadar konsep yang abstrak tanpa manifestasi yang konkrit. Seterusnya, jika dikaitkan dengan dakwah, timbul persoalan, antaranya: Adakah dakwah suatu madrasah pengukuhan akidah? Mengapakah dakwah suatu sekolah peneguhan akidah? Dan bagaimana dakwah boleh menjadi suatu konsep dan amalan yang boleh dipelajari, dituntut ilmu dan

pengalaman daripadanya untuk meneguhkan akidah? Persoalan ini akan diteliti seterusnya.

Dakwah Islamiah sebagai Madrasah

Dalam mengaitkan dakwah Islamiah, yang merupakan salah satu konsep dalam Islam, dengan sifat madrasah pengukuhan akidah, yang dibentangkan di atas, dapat dinyatakan dengan tegas bahawa dakwah Islamiah adalah suatu madrasah ke arah menambahkan lagi kekukuhan akidah di kalangan manusia, khususnya Muslim. Di bahagian awal pembentangan di atas, diisytiharkan bahawa akidah yang menjadi teras perbincangan makalah ini adalah iktikad Islam seperti yang dirumuskan oleh Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jama'ah. Berdiri tetap atas tunjang ini, makalah ini mengikrarkan bahawa dakwah Islamiah yang layak menjadi madrasah pengukuhan akidah adalah dakwah yang menyeru ke arah kefahaman Islam menurut tafsiran yang sempurna dan seimbang oleh Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jama'ah. Sebaliknya, jika kepercayaan yang menjadi isi seruan adalah pegangan kalangan Wahabi atau neo-Muktazilah liberal, maka, makalah ini mendakwa bahawa madrasah sedemikian akan mengakibatkan kekeliruan akidah, bukan pengukuhanannya.

Sebagai suatu konsep teras dalam Islam, dakwah mempunyai ruang pengertian yang luas. Secara bahasa, dakwah yang berasal daripada perkataan Arab *da'wah*, bererti doa, jemputan, dakwaan dan seruan. Jika dirujuk kepada akar katanya, iaitu kata kerja *da'ā*, ia memberi erti menjemput, memerlukan, mencari, memanggil, melaung, meratapi, memohon, mengajak, mengharapkan, menamakan, mengaitkan, menggalakkan, menemukan, mendorong, menjemput dan mendakwa.⁶ Jika diteliti semua pengertian ini, boleh diberikan satu makna teras kepada dakwah secara bahasa iaitu tindakan seseorang yang mendekati atau menghubungkan seseorang yang lain kepada sesuatu perkara. Contohnya, dakwah dengan makna dakwaan boleh difahami sebagai menisbahkan seseorang dengan sesuatu perkara. Selain itu, dakwah dengan makna ratapan pula boleh difahami sebagai mengharapkan sesuatu bagi seseorang, walaupun yang berlaku adalah sebaliknya. Hampir sama, dakwah dengan makna panggilan, laungan dan penamaan boleh difahami sebagai mengaitkan seseorang secara langsung dengan suatu kata tertentu.

Dakwah juga telah menjadi kalimah bahasa Melayu yang bererti “kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan,” atau “patuh kepada atau mengikut ajaran agama Islam dengan lebih sempurna sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain.”⁷ Pengertian pertama mungkin amat biasa, tetapi pengertian kedua menonjolkan betapa tingginya konotasi yang diberikan oleh kebudayaan dan peradaban Melayu kepada konsep dakwah, sehingga kepatuhan kepada agama itu sendiri dilihat sebagai dakwah. Daripada pengertian secara bahasa ini, didapati sekadar mendakwa, atau mencari, atau mendoakan, mengharapkan, malah meratapi,

⁶ *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 746 dan 748, entri *da'ā* .

⁷ *Kamus Dewan*, ed. 4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 305, entri dakwah.

sudah mencapai pengertian dakwah. Di sini, adalah menarik untuk diketahui bahawa kalimah bahawa Melayu “dakwa” juga berasal daripada akar yang sama dalam bahasa Arab. Dalam konteks ini, mendakwa bererti “mengatakan atau mengemukakan sesuatu sebagai satu kenyataan atau kebenaran,” atau mengaku.⁸ Dengan itu, sekadar menyebut kepada orang lain bahawa tiada tuhan selain Allah sudah merupakan dakwah.

Kefahaman dakwah secara bahasa yang dianalisis di atas, tidaklah bertentangan dengan takrif dakwah sebagai suatu konsep dalam ajaran Islam. Pertama-tamanya, penyariatan dakwah dalam Islam adalah bersumberkan pelbagai kenyataan dan arahan dalam al-Qur’an dan Hadith. Satu ayat yang paling kerap dirujuk ketika membincangkan tema ini ialah firman Allah,

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ.⁹

Terjemahan: Berdakwahlah ke jalan Tuhanmu dengan hikmat dan nasihat yang baik.

Dalam ayat ini, ungkapan “berdakwahlah” atau *’ud’ū* merupakan kata kerja arahan atau *fi’l amr*, yang membayangkan arahan Allah kepada Nabi Muhammad khususnya dan seluruh umat baginda umumnya agar berdakwah. Ini menunjukkan dakwah adalah suatu gerak kerja yang disyariatkan oleh Allah ke atas Muslim dan melaksanakannya adalah suatu tuntutan.

Kemudian, dihuraikan pula konsep dakwah dengan pernyataan bahawa dakwah yang dimaksudkan adalah ke jalan Allah, bukan seruan ke arah lain. Dengan kata lain, dakwah bererti usaha seorang Muslim mendekati atau menghubungkan seorang insan lain kepada Allah. Lebih terperinci, dakwah ialah tindakan seorang Muslim menjemput, menyeru, memanggil, melaung, memohon, mengajak, mengaitkan, menggalakkan, menemukan dan mendorong seorang insan lain ke jalan Allah. Ini sudah tentu melibatkan tindakan mendakwa kewujudan suatu jalan kepada Allah dan menamakan jalan tersebut sebagai Islam. Lebih jauh lagi dakwah juga merangkumi tindakan mengharap dan mendoakan orang tadi agar dia berjalan di jalan Allah, malah meratapinya jika dia tidak berjalan di jalan Allah. Di sini, didapati bahawa semua pengertian secara bahasa di atas boleh saling melengkapkan kefahaman mengenai konsep dakwah. Syaratnya, seruan itu adalah untuk menghubungkan manusia dengan Allah.

Seterusnya, ayat tersebut di atas juga memberikan gambaran mengenai kaedah melakukan dakwah. Pengajaran ini dapat dipetik daripada dua pendekatan yang memerihalkan sifat dakwah ke jalan Allah yang sepatutnya dilaksanakan oleh Muslim. Dua perihal tersebut menyatakan bahawa dakwah perlulah berbentuk hikmat dan nasihat yang baik. Secara langsung, kedua-dua cara ini termasuk dalam kaedah dakwah yang diarahkan oleh Allah. Maksudnya, kedua-dua kaedah ini juga disyariatkan oleh Allah. Begitu pun, ini bukan bermaksud pendekatan dakwah terhad

⁸ *Kamus Dewan*, 305, entri dakwa.

⁹ Al-Qur’an, al-Nahl 16:125.

kepada dua metode ini sahaja. Pelbagai pendekatan lain boleh sahaja difikirkan. Namun, ayat ini juga menggambarkan bahawa cara yang bertentangan dengan nilai hikmat dan nasihat yang baik adalah ditegah. Contohnya, jika dakwah dilakukan dengan pendekatan yang membuta-tuli dan kasar, maka sifat dakwah sedemikian tidaklah disyariatkan, malah ditegah. Pokoknya, dapat diambil pengajaran di sini bahawa dakwah adalah konsep dan amalan yang perlu ditunaikan secara sistematik.

Pengertian terhadap konsep dakwah yang dibincangkan bersumberkan ayat di atas, boleh dibandingkan pula dengan definisi yang ada diberikan oleh ulama Islam. Antaranya, Abū al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Rāghib al-Aṣfahānī mendefinisikan dakwah sebagai menyerukan kepada suatu perhubungan atau *'iddi'ā' al-nisbah*, dan makna asalnya ialah untuk mengubah perihal manusia atau *li-al-ḥālah al-latī 'alay-hā al-insān*.¹⁰ Dalam definisi ini al-Aṣfahānī menambah elemen perubahan yang dilakukan oleh manusia sebagai unsur dalam dakwah. Ini boleh dikatakan sebagai kesan dakwah, iaitu berlakunya perubahan dalam diri manusia. Secara lebih terperinci pula, 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī mendefinisikan dakwah sebagai,

الطَّلَبُ بِشِدَّةٍ وَحَثٌّ عَلَى الدُّخُولِ فِي دِينِ الْإِسْلَامِ اعْتِقَادًا وَقَوْلًا وَعَمَلًا.¹¹

Terjemahan: Meminta dengan bersungguh-sungguh seruan agar masuk dalam agama Islam, sama ada secara iktikad, perkataan dan amalan.

Definisi ini boleh diterima sebagai pengertian dakwah secara istilah merujuk khusus kepada konsep dakwah Islamiah. Secara keseluruhannya, ia tidaklah mengeluarkan atau terkeluar daripada pengertian yang dibincangkan di atas. Sebagai tambahan, ia merangkumkan juga elemen bersungguh-sungguh dalam seruan dakwah, dengan kesannya sehinggalah orang yang diseru menerima agama Islam, yang melibatkan sudut kepercayaannya, percakapannya dan perbuatannya.

Selain dakwah, al-Maydānī turut membincangkan beberapa istilah lain yang berkait rapat dengan konsep dakwah, iaitu penyampaian atau *al-tablīgh*, peringatan atau *al-tadhkīr*, nasihat atau *al-nuṣḥ*, panduan atau *al-irshād*, dan menyeru ke arah kebaikan dan menegah daripada kemungkaran atau *al-amr bi-al-ma'rūf wa-nahy 'an al-munkar*. Lebih utama daripada perkaitan maknawi, semua istilah tersebut di atas dinisbahkan kepada peranan kenabian, sama ada Nabi Muhammad atau nabi-nabi lain sebelum baginda. Contohnya, Allah berfirman,

مَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ.¹²

Terjemahan: Tidak ada apa-apa ke atas para rasul selain menyampaikan.

Ayat ini menyatakan bahawa tugas para rasul hanyalah menyampaikan. Jika dianalisis secara literal semata-mata, ayat ini seolah-olah menafikan sebarang peranan lain yang mesti dilaksanakan oleh para rasul, termasuk dakwah yang tidak disebut, selain menyampaikan. Namun, secara lebih holistik, penggunaan istilah ini tidak menafikan pelbagai istilah lain, seperti dakwah, peringatan, nasihat dan sebagainya. Kefahaman yang sama boleh diluaskan bagi semua istilah tersebut di atas.

¹⁰ Abū al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Rāghib al-Aṣfahānī, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*, ed. Muḥammad Sayyid Kaylānī (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 170, entri *da'ā*.

¹¹ 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī, *Fiqh al-Da'wah ilā Allāh wa-Fiqh al-Nuṣḥ wa-al-Irshād wa-al-Amr bi-al-Ma'rūf wa-al-Nahy 'an al-Munkar* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2004), 1:15.

¹² Al-Qur'an, al-Ma'idah 5:99.



Apa yang lebih penting, ayat di atas menisbahkan tugas menyampaikan atau dakwah sebagai tugas para anbia. Penisbahan ini mempunyai pengajaran yang bermanfaat dalam konteks menyifatkan dakwah sebagai suatu madrasah pengukuhan akidah. Hal ini disebabkan pelaksanaan dakwah oleh para nabi merupakan konsep dan amalan yang berstruktur secara sistematik, memenuhi ciri-ciri suatu institusi. Dakwah para nabi bukan tindakan abstrak atau semberono tanpa sebarang perancangan. Perihal ini dapat diteliti daripada sejarah dakwah para nabi, khususnya Nabi Muhammad yang direkodkan oleh ahli sejarah dengan menyeluruh. Contohnya, baginda memulakan dakwah secara tersembunyi, mendahulukan ahli keluarga terdekat, menyasarkan tokoh-tokoh tertentu, dan sebagainya. Dalam konteks yang berbeza pula, baginda menyandarkan usaha dakwah di bawah naungan pengaruh pihak tertentu dan menjalinkan kerjasama dengan atau meminta bantuan daripada pihak tertentu sama ada dekat atau jauh. Pada suatu ketika yang lain, baginda sanggup sehingga berhijrah ke tempat baru untuk menjaga dakwah Islamiah daripada dihancurkan musuh.

Berdasarkan sifat dakwah Nabi Muhammad yang terancang inilah, pengajaran daripada sejarah dakwah baginda menjadi panduan kepada umat Islam seterusnya. Malah, tindakan yang diambil oleh baginda dalam situasi tertentu mempunyai pola yang boleh diperhatikan, lalu membentuk suatu sunnah tindakan yang boleh diikuti. Ini menunjukkan sejarah dakwah Nabi Muhammad bukan perbuatan rawak tanpa garis panduan tertentu. Sifat dakwah yang sistematik sebegini menjadikan ia suatu institusi, maka sesuai untuk dilihat sebagai suatu madrasah. Dakwah baginda mempunyai isi kandungan yang disampaikan iaitu akidah Islam; kaedah penyampaian yang sistematik iaitu segala sunnah baginda; ketua yang mengepalai gerakan tersebut iaitu baginda sendiri; sasaran yang disampaikan ajaran Islam iaitu seluruh manusia; dan infrastruktur yang dibina untuk menyokong usaha penyampaian ajaran Islam, iaitu kerajaan Islam Madinah yang terus dikembangkan bersama perkembangan gerakan menyampaikan ajaran Islam. Semua ini mengesahkan sifat dakwah Islamiah sebagai suatu madrasah.

Perbincangan panjang di atas mengenai konsep dakwah bertujuan menonjolkan pelbagai elemen yang ada dalam dakwah untuk dikaitkan dengan ciri madrasah pengukuhan akidah yang dikemukakan sebelumnya. Secara perbandingan, elemen dakwah yang diperincikan boleh diselaraskan dalam kerangka persekolahan untuk memantapkan akidah Islam. Ini dapat diperhatikan bermula dengan pengertian dakwah secara bahasa, dengan tindakan mendekati manusia kepada akidah Islam merupakan elemen paling asas yang dilaksanakan dalam suatu madrasah Islamiah. Aspek ini mewakili ciri pertama madrasah iaitu isi kandungan pelajaran. Seterusnya, aspek kaedah persekolahan, guru, murid dan infrastruktur persekolahan dapat diperhatikan dalam penjelasan mengenai konsep dakwah, sama ada yang dapat dipelajari daripada pengertian konsep dakwah secara istilah, atau berdasarkan panduan ayat al-Qur'an, atau daripada sejarah dakwah para nabi khususnya Nabi Muhammad. Dengan itu, dapat diisbatkan secara tegas, setakat ini, bahawa dakwah Islamiah memang suatu madrasah pengukuhan akidah, berdasarkan faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas.

Seterusnya, justifikasi mengatakan bahawa dakwah adalah suatu madrasah pengukuhan akidah boleh diberikan juga melalui analisis dalam konteks perbezaan antara madrasah akidah dengan madrasah pengukuhan akidah, seperti yang dihuraikan di atas. Dalam konteks perbezaan ini, dakwah boleh berfungsi pada kedua-dua tahap jika dilihat daripada dua perspektif berbeza. Perspektif pertama merujuk kepada dakwah sebagai usaha menanam akidah Islam dalam diri sasaran dakwah. Dalam pengertian ini, dakwah adalah suatu madrasah akidah kerana sasaran dakwah ditanam dengan asas akidah Islam. Dengan kata lain, orang yang diseru untuk menerima Islam disekolahkan dengan maksud dia belajar isi kandungan akidah Islam; yang pelajaran tersebut disampaikan dengan metodologi tersendiri secara sistematik; oleh seorang atau suatu kumpulan pendakwah yang boleh dianggap sebagai guru; menggunakan bentuk-bentuk infrastruktur tertentu seperti buku, bahan audio dan video yang berkenaan dan sebagainya. Begitu pun, sudut pandangan ini terhad kepada fungsi dakwah kepada sasaran dakwah sahaja.

Manakala dalam perspektif kedua, dakwah boleh berfungsi sebagai madrasah pengukuhan akidah kepada kedua-dua pendakwah sendiri dan sasaran dakwah. Dalam pengertian ini, perlu disedari bahawa sifat pendakwah mestilah berlatar belakangkan asas akidah yang telah sedia ada dengan kukuh dalam diri. Dengan kata lain, orang yang baru ditanam asas akidah atau tidak mempunyai keyakinan akidah yang kukuh, tidak dapat berfungsi sebagai pendakwah dengan baik. Malah, dalam keadaan tertentu, orang yang belum sedia kukuh akidahnya mungkin berhadapan dengan cabaran yang akhirnya menggoyahkan pegangan akidah sekadar yang sedia ada. Hal ini disebabkan adalah lumrah bagi pendakwah untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dan persoalan yang jika tidak dihadapi dengan persediaan akidah yang telah sedia kukuh, boleh membawa akibat buruk pula kemudiannya. Justeru, pendakwah mestilah daripada kalangan Muslim yang telah sedia tertanam asas akidah yang mantap. Sehubungan itu, di atas asas akidah yang telah sedia ada ini, penglibatan pendakwah dalam usaha dakwah boleh memperkukuhkan lagi pegangan akidahnya.

Analisis di atas menonjolkan ciri-ciri yang ada dalam konsep dan amalan dakwah serta keselarasannya dengan sifat suatu madrasah. Hal ini dapat diteliti daripada persamaan yang ada antara kedua-duanya. Pertamanya, dakwah adalah suatu madrasah kerana isinya adalah akidah Islam. Keduanya, kedua-dua mempunyai kaedah yang sistematik. Ketiganya, dakwah dilaksanakan oleh pendakwah yang boleh dianggap sebagai guru dalam konteks persekolahan akidah. Keempatnya, dalam usaha dakwah, sasaran dakwah menjadi murid yang diajar mengenai akidah Islam. Kelimanya, dakwah adalah sama dengan sekolah dalam konteks mempunyai infrastruktur tersendiri. Tegasnya, dakwah Islamiah memang suatu madrasah pengukuhan akidah berdasarkan sebab-sebab yang diringkaskan ini. Persoalan seterusnya, bagaimana dakwah Islamiah boleh mengukuhkan akidah Islam? Persoalan ini akan dibahasakan seterusnya.

Pengukuhan Akidah melalui Dakwah Islamiah

Perbincangan di atas merumuskan bahawa dakwah Islamiah merupakan suatu madrasah pengukuhan akidah. Berdasarkan premis ini, wajar diperdalam kaedah untuk terus memperkukuhkan akidah Islam melalui dakwah Islamiah. Dalam memperdalam persoalan ini, adalah baik untuk dirujuk kepada pemikiran al-Ghazali melalui karyanya *Ihya' 'Ulum al-Din*, seperti dinyatakan di atas. Sebagai sebuah kitab utama dalam bidang tasawuf, yang bertujuan untuk mengukuhkan keimanan umat Islam, karya ini mempunyai wibawa yang tinggi khususnya di kalangan umat Islam Melayu Nusantara. Selain kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, sadurannya dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh 'Abd al-Samad bin 'Abd Allah al-Falimbani dalam sebuah kitab yang bertajuk *Sayr al-Salikin* boleh juga dijadikan rujukan. Seperti dinyatakan di atas, walaupun kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* ini merupakan karya tasawuf, tetapi dalamnya terdapat suatu perbincangan mengenai menyeru ke arah kebaikan dan menegah daripada kemungkaran atau *al-amr bi-al-ma'rūf wa-nahy 'an al-munkar*. Berkaitan dengan tema ini, telah ditunjukkan bahawa ia adalah sebahagian daripada istilah yang digunakan untuk merujuk kepada konsep dan amalan dakwah.

Menurut al-Ghazali, amar makruf nahi mungkar berdiri atas empat rukun, iaitu: i) orang yang menyuruh atau mencegah, ii) orang yang disuruh atau dicegah, iii) perkara yang disuruh atau dicegah, dan iv) perbuatan menyuruh atau mencegah.¹³ Keempat-empat rukun ini, yang juga menjadi rukun dakwah, menyamai elemen utama yang mesti ada dalam sesuatu madrasah, seperti ternyata di atas. Daripada empat rukun ini, boleh dibina kerangka perbincangan dalam meneliti bagaimana madrasah dakwah Islamiah boleh memperkukuhkan akidah Islam. Hal ini bersumberkan kepada pemikiran al-Ghazali yang memperincikan lagi bahawa keempat-empat rukun yang disebutkan mesti memenuhi syarat-syarat tertentu. Tanpa syarat-syarat ini, amar makruf nahi mungkar atau dakwah tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Dalam konteks perbincangan makalah ini pula, memenuhi rukun-rukun ini, dan syarat-syaratnya, secara langsung bermaksud berusaha meningkatkan iman. Justeru, dari sudut inilah dakwah Islamiah berupaya menjadi saluran memantapkan pegangan agama Islam.

Bagi rukun yang pertama, iaitu orang yang melakukan kerja dakwah, al-Ghazali meletakkan tiga syarat yang mesti dipenuhi. Syarat-syarat tersebut ialah, Muslim, mukalaf dan berupaya untuk berdakwah.¹⁴ Pertama-tamanya, orang yang menjadi pendakwah mestilah Muslim kerana mustahil kerja dakwah dilaksanakan oleh orang kafir. Atas dasar ini, orang yang terlibat dalam gerakan dakwah sudah tentu terdiri daripada kalangan insan yang benar-benar tunduk kepada Allah. Seterusnya, dia perlulah merupakan seorang mukalaf, iaitu memenuhi syarat taklif dalam erti kata mencapai umur baligh dan berakal. Dalam konteks mencapai umur, ia adalah perkara semula jadi yang tidak boleh diusahakan manusia. Namun, dalam konteks berakal, ia boleh juga merujuk kepada usaha manusia untuk meningkatkan tahap intelektual diri agar mampu berfikir dengan lebih luas, mendalam dan matang. Dengan itu, orang

¹³ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 571; Abdus-Shamad al-Falimbani, *Sairus-Salikin: Perjalanan Orang yang Salik kepada Allah* (Pokok Sena: Khazanah Banjariah, 2011), 2:485-486.

¹⁴ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 571; al-Falimbani, *Sairus-Salikin*, 486.

seperti ini dapat menjadi pendakwah yang baik. Melalui usaha meningkatkan keupayaan akliah, secara langsung, ia juga berfaedah kepada usaha memperkukuhkan akidah Islam, kerana Muslim yang bijak adalah lebih baik daripada Muslim yang bodoh.

Seterusnya, al-Ghazali mensyaratkan orang yang terlibat dalam gerak kerja dakwah perlu bersifat dengan sifat adil atau *'adālah*, iaitu tidak boleh ada kefasihan dalam hati. Tanpa keadilan dalam diri, manusia sebegini menjadi orang yang menyuruh kepada kebaikan sedangkan dia lupa mengenai dirinya sendiri, seperti yang dinyatakan oleh al-Qur'an.¹⁵ Akibatnya, orang seperti ini hanya mendapat kemurkaan yang amat sangat daripada Allah, apabila mengatakan perkara yang diri sendiri tidak laksanakan, seperti yang juga dinyatakan oleh al-Qur'an.¹⁶ Sehubungan itu, lebih tinggi daripada syarat Muslim dan mukalaf yang disebutkan di atas, syarat keadilan diri ini menuntut pendakwah meningkatkan tahap keimanan, ketekunan mengikut panduan syariat dan akhlak keperibadian diri. Secara langsung, ini menjadi kaedah peningkatan akidah melalui madrasah dakwah Islamiah. Begitu pun, pencapaian ini hanya dapat berlaku apabila ada kefahaman yang benar dalam hati pendakwah mengenai konsep, rukun, syarat dan amalan dakwah.

Jika diteliti lebih mendalam, seseorang yang memeluk Islam sepatutnya menghargai nikmat agama yang dianugerahkan Allah. Kesannya, dia mahu orang lain menerima nikmat yang sama. Ini mendorong kepada usaha dakwah. Bersama dorongan ini, sepatutnya dia juga berusaha meningkatkan keimanan hatinya, budi bahasanya dan amal perbuatannya agar mencapai tahap keadilan diri yang membolehkan dia menjadi pendakwah dan contoh teladan kepada sasaran dakwahnya. Sebaliknya, orang yang tidak sedar mengenai semua ini tidak dapat mengambil apa-apa manfaat daripada dakwah. Walau bagaimanapun, ini sama sekali tidak bermakna orang yang merasa rendah diri tentang iman dan akhlaknya boleh melarikan diri daripada gerakan dakwah. Malah sebaliknya, orang seperti ini sepatutnya lebih perlu mendekati diri dengan gerakan dakwah. Daripada perspektif lain, penglibatan seseorang dalam gerakan dakwah boleh memperkukuhkan akidahnya melalui pergaulannya dan kebiasaannya berada bersama-sama dengan orang yang mantap iman. Cuma, dia sendiri belum layak bertindak sebagai pendakwah kepada orang lain.

Selain itu, dakwah Islamiah juga bertindak sebagai madrasah pengukuhan akidah dengan menjadikan seluruh manusia sebagai sasaran dakwah.¹⁷ Dalam kerangka persekolahan, semua manusia menjadi murid kepada para pendakwah yang merupakan guru. Keluasan sasaran dakwah Islamiah membolehkan orang yang terlibat dalam gerakan dakwah menjadikan keseluruhan hidupnya dari pelbagai aspek sebagai madrasah. Dari perspektif ini, usaha memantapkan akidah menjurus secara khusus kepada manfaat sasaran dakwah tadi, dan bukan sangat pendakwah. Dengan kata lain, dakwah Islamiah adalah suatu madrasah pengukuhan akidah untuk sasaran dakwah secara khususnya. Di sini, sudah tentu ada dua tahap madrasah akidah seperti

¹⁵ Al-Qur'an, al-Baqarah 2:44. *A-ta'murūn al-nās bi-al-birr wa-tansawn anfusa-kum.*

¹⁶ Al-Qur'an, al-Saff 61:3. *Kabura maqta 'ind Allāh 'an taqūlū mā lā taff'alūn.*

¹⁷ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 584; al-Falimbani, *Sairus-Salikin*, 488.

yang dibahasakan di atas. Pertamanya, tahap madrasah akidah pada peringkat paling dasar sekali, iaitu merujuk kepada sasaran dakwah yang belum lagi memeluk Islam. Setakat peringkat ini, dakwah adalah madrasah penyemaian asas akidah Islam. Keduanya, tahap madrasah pengukuhan akidah seperti yang menjadi fokus makalah ini, iaitu merujuk kepada sasaran dakwah yang telah meyakini kebenaran Islam. Pada tahap ini baru proses pengukuhan akidah berlaku.

Seterusnya, pengukuhan akidah berlaku dalam dakwah Islamiah melalui isi kandungan perkara yang didakwahkan. Dalam konteks yang khusus bagi amar makruf nahi mungkar, al-Ghazali mengemukakan empat syarat bagi perkara yang disuruh atau ditegah. Pertamanya, perkara tersebut mestilah suatu kemungkaran. Keduanya, kemungkaran tersebut berlaku. Ketiganya, kemungkaran tersebut dilakukan dengan jelas di depan khalayak. Keempatnya, kemungkaran tersebut memang suatu kemungkaran yang disepakati oleh semua ulama.¹⁸ Daripada prasyarat yang dikemukakan oleh al-Ghazali ini, terdapat pengajaran berguna untuk madrasah pengukuhan akidah khususnya dalam konteks dakwah Islamiah. Secara umumnya, apabila diteliti keempat-empat prasyarat tersebut, didapati al-Ghazali menekankan sifat kepastian bagi perkara yang mahu didakwahkan. Dengan kata lain, isi kandungan ajaran Islam yang hendak didakwahkan kepada manusia seluruhnya mestilah bersifat jelas disepakati oleh semua ulama. Dalam konteks ini, adalah tidak bermanfaat sekiranya usaha dakwah diselitkan dengan elemen yang samar-samar penerimaannya di kalangan majoriti ulama Muslim sendiri, seperti adanya unsur ajaran puak-puak terpinggir sama ada Wahabi, Syiah, pemikiran neo-Muktazilah liberal dan sebagainya.

Penekanan kepada ajaran yang diijmak oleh semua ulama sebagai kandungan isi dakwah berfaedah dalam usaha memantapkan akidah umat Islam. Faedah ini dapat diterima bukan sahaja oleh sasaran dakwah, yang dapat belajar kandungan akidah yang muktamad serta mengelak keraguan puak yang fanatik pada mazhab pinggir masing-masing; malah ia juga berfaedah bagi pendakwah yang dapat memperdalamkan pengetahuan masing-masing mengenai inti pati ajaran Islam yang muktabar, tanpa perlu membuang masa memikirkan pelbagai tafsiran marginal yang belum tentu tepat. Dengan itu, kedua-dua pendakwah dan sasaran dakwah boleh menjadikan gerakan dakwah yang diceburi sebagai saluran memantapkan keimanan kepada Allah secara muktabar. Sebaliknya, kemasukan elemen kepuakan hanya membawa kepada timbulnya keraguan yang berterusan terhadap kebenaran akidah Islam. Perkara sebegini, jika berlaku, bukan sahaja mengakibatkan sasaran dakwah menjauhkan diri daripada gerakan dakwah, malah boleh memberi kesan yang negatif kepada semangat pendakwah untuk terus berdakwah.

Rukun terakhir dalam dakwah yang boleh dianalisis dalam konteks madrasah pengukuhan akidah ialah perbuatan dakwah itu sendiri. Bagi rukun ini, al-Ghazali membincangkan lapan tahap tindakan, yang kemudiannya diringkaskan oleh al-Falimbani kepada empat sahaja. Berdasarkan susunan al-Falimbani, tindakan pertama yang pendakwah perlu lakukan ialah mentakrifkan perkara yang mahu didakwahkan. Keduanya, pendakwah hendaklah menasihatkan dan memperingati sasaran dakwah secara lemah lembut mengenai baiknya Islam dan buruknya kekufuran, khususnya

¹⁸ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 582-583; al-Falimbani, *Sairus-Salikin*, 489-491.

berkait dengan balasan syurga atau neraka yang bakal menanti manusia. Ketiganya, jika pendekatan tahap kedua tidak berkesan, pendakwah boleh menyampaikan mesej dengan kata-kata yang lebih keras. Malah, pada tahap ini, al-Falimbani menulis,

Dan jika patut dimaki akan dia maka harus dimaki akan dia tetapi jangan dimaki akan dia dengan perkataan yang sangat keji seperti kata ia berzina dan melakukan mukadimahnyanya dan jangan dimaki dengan perkataan yang dusta tetapi dimaki akan dia dengan perkataan yang tiada sangat keji seperti dimaki akan dia dengan dikata akan dia, “Ya fasiq,” atau dikata akan dia, “Ya ahmaq,” yakni hai orang yang kurun akal, atau dikata akan dia, “Ya jahil tiadakah engkau takut akan Allah Taala, atau dengan katanya, “Ya ghabi hai orang yang dungu,” dan barang sebagainya daripada tiap-tiap yang dibilangkan memaki akan dia dan sekalian itu sekira-kira hajat jua dan jangan berlebih-lebih.¹⁹

Tahap keempat yang dinyatakan oleh al-Falimbani ialah tindakan dakwah yang dilakukan dengan kuasa apabila ketiga-tiga tahap pendekatan dakwah yang dibincangkan sebelum ini tidak memberi kesan. Begitu pun, sama seperti kata-kata keras, tindakan keras yang diambil mestilah “sekira-kira hajat jua dan jangan berlebihan.”²⁰

Pendekatan dakwah yang bertahap-tahap ini menunjukkan ciri madrasah yang ada dalam dakwah, iaitu hendak dilaksanakan secara sistematik. Kesedaran ini bermanfaat dalam konteks pengukuhan akidah Islam apabila usaha mempertingkatkan nilai iman dalam diri juga patut dilakukan secara sistematik. Dengan kata lain, madrasah pengukuhan akidah mesti mengenal pasti perihal keadaan seseorang yang mahu ditingkatkan imannya, sama ada orang itu sasaran dakwah atau pendakwah itu sendiri. Mengetahui keadaan diri membolehkan tindakan yang bersesuaian dengan sifat diri dilakukan. Dengan itu, ia dapat mengelak keterlaluan dalam tindakan. Contohnya, mungkin ada orang yang suka dengan pujian, dan melalui pujian dapat meningkatkan motivasi diri. Namun, mungkin juga ada orang yang tidak endah dengan pujian dan hanya sedar melalui ancaman. Begitulah kesesuaian ini perlu dicari seterusnya. Hal ini disebabkan apa yang ingin dicapai daripada kesesuaian tindakan ini adalah pengukuhan akidah, bukan bertindak semata-mata kerana mahu bertindak.

Setakat ini, dapat diperhatikan bahawa dakwah Islamiah memang suatu madrasah pengukuhan akidah yang boleh berlaku melalui kesedaran mengenai rukun dan syarat dakwah itu sendiri. Memenuhi rukun dan syarat pendakwah, orang sasaran, isi kandungan dan kaedah yang sistematik membolehkan pencapaian tahap akidah yang lebih baik. Rumusannya, dakwah bermanfaat bukan sekadar kepada sasaran dakwah, malah kepada pendakwah dan semua yang terlibat dalam gerakan dakwah. Secara bersama, masyarakat boleh berusaha mengukuhkan akidah ummah melalui gerakan dakwah.

¹⁹ Al-Falimbani, *Sairus-Salikin*, 493; al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 587.

²⁰ Al-Falimbani, *Sairus-Salikin*, 493.

Penutup

Makalah ini membahaskan konsep madrasah pengukuhan akidah dan peranan yang boleh dimainkan oleh gerakan dakwah dalam meningkatkan kualiti iman ummah. Secara umumnya, madrasah pengukuhan akidah merujuk kepada suatu usaha membangunkan kesedaran hati manusia mengenai hubungannya dengan Allah yang dilakukan secara sistematik. Sistem yang dimaksudkan boleh dikembangkan daripada pelbagai konsep dan amalan yang disyariatkan dalam Islam, seperti dakwah.

Dalam konteks makalah ini, dakwah diisbatkan sebagai salah satu madrasah pengukuhan akidah. Pernyataan ini terbukti melalui pelbagai kesamaan elemen yang ada antara konsep dan amalan dakwah dengan sifat sesebuah madrasah. Kedua-duanya berdiri atas, sekurang-kurangnya, rukun guru atau pendakwah, murid atau sasaran dakwah, isi kandungan pelajaran iaitu agama Islam dan kaedah pengajaran untuk menyampaikan dakwah secara berkesan.

Keempat-empat tiang kewujudan dakwah ini boleh dikembangkan lagi seterusnya untuk meneliti proses pengukuhan akidah yang dapat dilakukan dengan mendalami peranan yang boleh dimainkan oleh pendakwah, sasaran dakwah, isi dakwah dan kaedah dakwah. Akhirnya, dapat disimpulkan dengan tegas, melalui penerokaan secara teoretikal ini, bahawa dakwah Islamiah adalah madrasah pengukuhan akidah. Walau bagaimanapun, semua ini berbalik kepada kefahaman akidah yang benar seperti pegangan Ahli 'I-Sunnah wa 'I-Jama'ah.